

14

NO. SOALAN: 405

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :

Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos yang telah dibelanjakan oleh Kementerian bertindak dalam menangani kenaikan kos haji tahun 2017 supaya ia tidak memberikan kesan kepada jumlah jemaah yang layak menunaikan haji untuk para jemaah haji pada tahun 2018 nanti.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos haji pada tahun 2018M/1439H adalah RM22,450 iaitu peningkatan sebanyak RM2,900 atau 14.8% berbanding RM19,550 bagi tahun 2017M/1438H. Peningkatan ini tidak dapat dielakkan kerana penambahan kos-kos utama untuk jemaah menunaikan haji, termasuk tiket penerbangan carter, sewaan bilik-bilik penginapan, kos sajian

makanan dan percukaian yang baru diperkenalkan di Arab Saudi seperti VAT pada kadar lima peratus.

Namun demikian, Kerajaan mengekalkan bayaran haji bagi jemaah haji Muassasah yang pertama kali menunaikan haji pada kadar RM9,980 seorang pada tahun ini (2018M/1439H) supaya tidak membebankan rakyat.

Sekian, terima kasih.